

→ INOVASI

WREHAB jimat masa rawatan fisioterapi

→ Produk dibangunkan penyelidik UMP dilengkapi tiga bahasa

Oleh Amin Ridzuan Ishak
cnews@nstp.com.my

■ Kuantan

Penyelidik **Universiti Malaysia (UMP)** membangunkan inovasi yang mampu menjimatkan masa pesakit menjalani fisioterapi, dikenali **Wrist Rehabilitation Device (WREHAB)**.

ia dibangunkan oleh Idris Mat Sahat dari **Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) UMP**, yang melakukan penyelidikan sejak 2014

dengan kerjasama **Kumpulan Kejuruteraan Kemanusiaan (HEG)** daripada **Fakulti Kejuruteraan Mekanikal**, iaitu **Dr Mohd Azrul Hisyam Mohd Adib**, **Dr Saiful Anwar Che Ghani**, **Prof Madya Dr Wan Sharuzi Wan Harun**, **Dr Zakri Ghazalli** dan **Zulkifli Ahmad @Manap**.

Fisioterapi bahagian pergelangan tangan

Idris berkata, inovasi itu dapat membantu juru terapi melakukan pemulihan atau rehabilitasi ke atas



Idris (dua dari kanan) menunjukkan cara menggunakan WREHAB.

pesakit, semasa sesi fisioterapi pergelangan tangan khusus buat pesakit angin ahmar dan mereka yang menjalani terapi di bahagian sama.

Katanya, tugas jurufisioterapi akan menjadi lebih mudah serta lebih ramai pesakit boleh dirawat pada masa sama dan pesakit juga boleh melakukan fisioterapi sendiri di rumah, terutama yang tinggal jauh dari pusat pemulihan atau mempunyai masalah pengangkutan.

"Produk ini juga boleh diubah ketetapanannya, iaitu kelajuannya, sudut, masa regangan dan juga jenis latihan antaranya latihan jari.

"Ada juga ciri tambahan yang

dapat membantu pesakit antaranya didatangkan dengan tiga bahasa mudah difahami, iaitu bahasa Inggeris, Melayu dan Indonesia," katanya, semalam.

Katanya, produk itu sudah diperkenalkan dalam kalangan pengamal industri dan ia dapat memaksimumkan penggunaan masa, untuk merawat pesakit dengan bantuan alat berkenaan.

"Sebagai contoh, mereka hanya perlu menetapkan jenis latihan pemulihan yang diberikan kepada pesakit dan selepas penetapan selesai, ia biasa mengambil masa 30 hingga 60 minit.

"Malah ketika latihan pemulihan dijalankan terhadap pesakit, juru fisioterapi boleh merawat pe-

sakit lain," katanya.

Idris berkata, alat mudah dibawa ke mana sahaja itu dihasilkan menerusi kajian sejak 2014 di bawah bimbingan seorang pakar fisioterapi swasta, **Narimah Daud** dan setakat ini lima prototaip sudah dihasilkan.

"Kami menerima geran daripada **Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC)** di bawah **Dana Pengkomersialan Hasil Penyelidikan dan Pembangunan (CRDF)** dan terpilih dalam program **Usahawan Simbiosis MTDC**.

"Kami turut menjalinkan kerjasama dengan **Medivice PLT**, untuk membolehkan produk ini dapat dipasarkan hingga ke luar negara pada masa depan," katanya.